| *Tahap Penguasaan Pelajaran 21* | TP 1 | TP 2 | TP 3 | TP 4 | TP 5 TP 6 |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# PELAJARAN 1

# Surah at-Taubah, Ayat 128 – 129

Nota Xpress

## Ayat Bacaan dan Hafazan: Surah at-Taubah, Ayat 128 – 129

لَقَدْ جَآءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُم بِٱلْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ
﴿١٢٨﴾ فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَقُلْ حَسْبِىَ ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ ۖ وَهُوَ رَبُّ ٱلْعَرْشِ ٱلْعَظِيمِ ﴿١٢٩﴾

(Surah at-Taubah: 128 – 129)

## Inti Sari Ayat

1. Allah SWT telah mengutuskan rasul dalam kalangan manusia. Hal ini bertujuan:
   (a) Memudahkan manusia mencontohi akhlak rasul.
   (b) Memudahkan komunikasi antara rasul dengan manusia.
   (c) Manusia ialah makhluk yang sempurna.
   (d) Memudahkan manusia memahami syariat yang dibawa oleh rasul.
   (e) Hanya manusia yang memahami kemahuan manusia.

2. Rasulullah SAW sangat menginginkan kebaikan di dunia dan di akhirat buat umatnya. Baginda sentiasa berdoa untuk kebaikan umatnya di dunia dan memberi syafaat di hari akhirat.

3. Allah SWT sangat mengasihi hamba-Nya.

4. Umat Islam perlu bertawakal sepenuhnya kepada Allah SWT. Tawakal ialah berserah kepada Allah SWT setelah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mendapatkan sesuatu yang dicita-citakan. Kepentingan sifat tawakal kepada Mukmin ialah:
   (a) Sebagai motivasi untuk mencapai sesuatu cita-cita.
   (b) Sabar dan tabah menghadapi sebarang dugaan dan ujian.
   (c) Menambahkan keyakinan bahawa Allah SWT akan membantunya.
   (d) Tidak mudah berputus asa atau kecewa dalam menghadapi ujian hidup.
   (e) Reda dengan segala ketentuan Allah SWT.

5. Seluruh makhluk di langit dan di bumi berada di bawah kekuasaan Allah SWT.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## 1.33.1 Baca Ayat dengan Betul, Lancar, Bertajwid dan Fasih

PBD Formatif

*Buku Teks ms. 2 – 3*

eP+ NOTA

**1.** Baca ayat di bawah dengan betul, lancar, bertajwid dan fasih. MAHIR SPM **TP 1**

SP 1.33.1

لَقَدْ جَآءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُم بِٱلْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ

﴿١٢٨﴾ فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَقُلْ حَسْبِىَ ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ ۖ وَهُوَ رَبُّ ٱلْعَرْشِ ٱلْعَظِيمِ ﴿١٢٩﴾

(Surah at-Taubah: 128 – 129)

**2.** Nyatakan terjemahan bagi potongan ayat di bawah. **TP 2**

SP 1.33.1

| | Potongan ayat | Terjemahan |
|---|---|---|
| (a) | حَرِيصٌ عَلَيْكُم | Dia sangat menginginkan (keimanan dan keselamatan) bagimu |
| (b) | بِٱلْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ | Sangat belas lagi penyayang kepada orang yang beriman |
| (c) | فَقُلْ حَسْبِىَ ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ | Maka katakanlah: "Cukuplah bagiku Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan dia |
| (d) | وَهُوَ رَبُّ ٱلْعَرْشِ ٱلْعَظِيمِ | Dan dialah yang mempunyai arasy yang besar |

## 1.33.2 Menyatakan Inti Sari Ayat

PBD Formatif

*Buku Teks ms. 4*

**3.** Jelaskan inti sari daripada ayat 128 hingga 129, surah at-Taubah. **TP 3**

SP 1.33.2

**Inti Sari Ayat**

(a) Allah SWT telah mengutuskan malaikat dari kalangan manusia

(b) Allah SWT sangat mengasihi akan hamba-Nya

(c) Umat Islam hendaklah sering bertawakal kepada Allah SWT

(d) Seluruh manusia dan makhluk di bumi adalah di bawah penguasaan Allah SWT

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## 1.33.3 Baca Ayat dengan Betul, Lancar, Bertajwid dan Fasih

PBD Formatif

Buku Teks ms. 4

**4.** Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang tepat. **TP 4**

SP 1.33.3

| | | |
|---|---|---|
| فَإِن تَوَلَّوْا | حَرِيصٌ عَلَيْكُم | عَلَيْهِ |
| جَآءَكُمْ | أَنفُسِكُمْ | ٱلْعَظِيمِ |

لَقَدْ (a) جَآءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ (b) حَرِيصٌ عَلَيْكُم بِٱلْمُؤْمِنِينَ
رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾ (c) فَإِن تَوَلَّوْا فَقُلْ حَسْبِيَ ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ (d) عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ
وَهُوَ رَبُّ ٱلْعَرْشِ (e) ٱلْعَظِيمِ ﴿١٢٩﴾

(Surah at-Taubah: 128 – 129)

**5.** Lengkapkan peta alir di bawah dengan ayat 128 hingga 129, surah at-Taubah. **TP 5**

SP 1.33.3

i-Think Peta Alir

VIDEO

Ayat 128 – 129, surah at-Taubah

لَقَدْ جَآءَكُمْ → (a) رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ
→ (b) عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ → حَرِيصٌ عَلَيْكُم بِٱلْمُؤْمِنِينَ → (c) رَءُوفٌ رَّحِيمٌ
→ فَإِن تَوَلَّوْا فَقُلْ حَسْبِيَ ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ → عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ → (d) وَهُوَ رَبُّ ٱلْعَرْشِ ٱلْعَظِيمِ

## Aktiviti PAK-21

Berempat — KBAT Menilai

**TP 6**

1. Murid diminta duduk dalam kumpulan yang terdiri daripada empat orang.
2. Guru memberi tugasan, iaitu menghafaz ayat 128 – 129 surah at-Taubah.
3. Murid menghafaz ayat tersebut. Kemudian, setiap ahli kumpulan memperdengarkan bacaan hafazan antara satu sama lain.
4. Pencatat akan membuat laporan selepas hafazan tersebut berakhir.

*Tahap Penguasaan Pelajaran 1* TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## KERTAS 2

**1.** (a) Anda dikehendaki membaca ayat al-Quran berikut.

Buku Teks ms. 2

لَقَدْ جَآءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُم بِٱلْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾ فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَقُلْ حَسْبِىَ ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ ۖ وَهُوَ رَبُّ ٱلْعَرْشِ ٱلْعَظِيمِ ﴿١٢٩﴾

(Surah at-Taubah: 128 – 129)

Murid membaca ayat di atas. [50 *markah*]

(b) Sila ulang dan sambung bacaan berikut.

Buku Teks ms. 2

لَقَدْ جَآءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ...

(Surah at-Taubah: 128 – 129)

لَقَدْ جَآءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُم بِٱلْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾ فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَقُلْ حَسْبِىَ ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ ۖ وَهُوَ رَبُّ ٱلْعَرْشِ ٱلْعَظِيمِ ﴿١٢٩﴾

[15 *markah*]

**2.** (a) Anda dikehendaki membaca ayat al-Quran berikut.

Buku Teks ms. 2

لَقَدْ جَآءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُم بِٱلْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾

(Surah at-Taubah: 128)

Murid membaca ayat di atas. [50 *markah*]

IDEA Ajaran | Motivasi

1. Allah SWT mengutuskan rasul dalam kalangan manusia untuk membimbing manusia ke jalan yang benar melalui agama Islam.

KBAT Menilai

Kemukakan hujah anda sebab rasul dilantik dalam kalangan manusia.

Memudahkan komunikasi antara rasul dengan manusia kerana tugas rasul adalah untuk menyampaikan risalah Allah SWT kepada manusia. Hal yang demikian sekiranya rasul daripada makhluk yang lain adalah sukar untuk rasul melaksanakan tugasnya dengan baik. Kesimpulannya, Rasulullah SAW adalah idola kepada umat Islam, maka kita hendaklah berpegang dengan ajaran rasul demi kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

Rasulullah SAW ialah contoh terbaik sepanjang zaman.

2. Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah anda menjadikan Rasulullah SAW sebagai idola untuk menjadi murid yang cemerlang?

KBAT Mengaplikasi

Saya akan mencontohi sikap baginda yang tekun dan istiqamah untuk berjaya. Hal ini kerana sikap baginda merupakan satu motivasi kepada saya untuk mencapai cita-cita menjadi murid cemerlang. Sesuatu kejayaan akan diperoleh melalui usaha yang bersungguh-sungguh dan istiqamah. Kesimpulannya, usaha adalah tangga kejayaan, maka berusahalah dengan bersungguh-sungguh demi sebuah kejayaan dan kecemerlangan dalam hidup.

POT
Enrolment key
HZB%uTc9

# PELAJARAN 5

# Memahami Keutamaan dalam Tindakan

Nota Xpress

**Maksud Fiqh Al-Aulawiyyat** → Ialah mengutamakan perkara yang sepatutnya didahulukan berdasarkan prinsip syariat.

**Prinsip Asas Fiqh Al-Aulawiyyat**

- Bersumberkan dalil syarak.
- Mengutamakan perkara yang diutamakan oleh syarak.
- Mengambil kira keperluan semasa dan setempat.
- Mengutamakan keperluan atau manfaat bersama berbanding dengan manfaat peribadi.
- Mengambil kita tahap keupayaan individu.

**Pengajaran Ayat**

1. Kita hendaklah sentiasa meningkatkan keimanan kepada Allah SWT dan hari akhirat kerana keimanan ialah kunci penerimaan segala ibadat.
2. Kita hendaklah sentiasa berazam untuk berjihad dengan tenaga dan harta supaya kita mendapat ganjaran pahala yang besar di sisi Allah SWT.
3. Kita hendaklah sentiasa berlumba-lumba untuk melakukan kebaikan kerana kebaikan itu akan diberi ganjaran pahala di hari akhirat.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## 1.37.1 Baca Ayat dengan Betul, Lancar, Bertajwid dan Fasih

PBD Formatif

Buku Teks ms. 41

**1.** Baca ayat di bawah dengan betul, lancar, bertajwid dan fasih. **TP 1**

SP 1.37.1

أَجَعَلْتُمْ سِقَايَةَ ٱلْحَآجِّ وَعِمَارَةَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ كَمَنْ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ وَجَٰهَدَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ لَا يَسْتَوُۥنَ
عِندَ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٩﴾ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَهَاجَرُوا۟ وَجَٰهَدُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ
أَعْظَمُ دَرَجَةً عِندَ ٱللَّهِ ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَآئِزُونَ ﴿٢٠﴾

(Surah at-Taubah: 19 – 20)

## 1.37.2 Terjemahan Ayat

PBD Formatif

Buku Teks ms. 41 & 42

**2.** Tuliskan maksud potongan ayat yang berikut. **TP 2**

SP 1.37.2

| | Potongan ayat | Maksudnya |
|---|---|---|
| (a) | وَعِمَارَةَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ | Dan memakmurkan Masjidilharam itu |
| (b) | وَجَٰهَدَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ | Serta berjihad pada jalan Allah |

## 1.37.3 Sebab Turun Ayat

PBD Formatif

Buku Teks ms. 43

**3.** Isi tempat kosong tentang sebab turun ayat. **TP 3**

SP 1.37.3

Beberapa orang sahabat (a) berbincang tentang amalan yang mereka (b) utamakan selepas pembukaan kota Mekah. Ada sahabat yang akan menumpukan kepada (c) memberikan minuman kepada jemaah haji, sahabat yang lain berusaha untuk (d) memakmurkan masjid dan ada sahabat yang akan (e) berjihad di jalan Allah SWT. Percakapan mereka (f) ditegur oleh Sayidina Umar r.a. kerana tidak sopan (g) meninggikan suara di sebelah mimbar Rasulullah SAW. Kemudian Sayidina Umar r.a. mengadu kepada Rasulullah SAW, dan turunlah ayat tersebut.

© *Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.*

## 1.37.4 Maksud Fiqh Al-Aulawiyyat

PBD Formatif

*Buku Teks ms. 43*

**4.** Nyatakan maksud Fiqh al-Aulawiyyat di bawah. MAHIR SPM TP 4

SP 1.37.4

NOTA eP+

| | |
|---|---|
| **Maksud Fiqh al-Aulawiyyat** | Mengutamakan perkara yang sepatutnya didahulukan berdasarkan prinsip syarak |

## 1.37.5 Pelaksanaan Fiqh Al-Aulawiyyat dalam Kehidupan

PBD Formatif

*Buku Teks ms. 44 – 45*

**5.** Lengkapkan jadual di bawah mengenai implikasi pelaksanaan Fiqh al-Aulawiyyat dalam kehidupan. MAHIR SPM TP 4

SP 1.37.5

| | |
|---|---|
| **Ilmu dan Pemikiran** | |
| Prinsip Am | Mengutamakan usaha untuk menuntut ilmu dan memahaminya berbanding dengan melaksanakan sesuatu amalan |
| Implikasi | (a) Mengutamakan ilmu fardu ain berbanding dengan ilmu fardu kifayah<br>(b) Mengutamakan ilmu fardu kifayah yang menjadi keperluan semasa dan pelengkap umat Islam |
| **Tuntutan Syarak** | |
| Prinsip Am | Mengutamakan perkara pokok berbanding dengan perkara cabang |
| Implikasi | (a) Mengutamakan amalan fardu ain berbanding dengan fardu kifayah<br>(b) Mengutamakan amalan fardu ain berbanding amalan sunat |
| **Amalan** | |
| Prinsip Am | Mengutamakan amalan yang banyak manfaat berbanding amalan yang kurang manfaat |
| Implikasi | (a) Mengutamakan amalan yang banyak manfaat kepada masyarakat berbanding amalan yang kurang bermanfaat mengikut keperluan dan situasi |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## 1.37.6 Kepentingan Pelaksanaan Fiqh Al-Aulawiyyat terhadap Individu dan Masyarakat

PBD Formatif

*Buku Teks ms. 46*

**6.** Terangkan kepentingan pelaksanaan Fiqh al-Aulawiyyat terhadap individu dan masyarakat.

**SP** 1.37.6

**KBAT** Menganalisis

**TP 5**

| Kepentingan Pelaksanaan Fiqh al-Aulawiyyat | |
|---|---|
| **Terhadap individu** | **Terhadap masyarakat** |
| (a) Tindakan manusia terkawal dan sistematik<br>(b) Dapat mengamalkan semua tuntutan agama mengikut susunan yang betul | (a) Dapat mewujudkan masyarakat yang sejahtera<br>(b) Mengimbangkan kehidupan masyarakat dalam pelaksanaan tuntutan syariat |

## 1.37.7 Pengajaran Ayat

PBD Formatif

*Buku Teks ms. 47*

**7.** Lengkapkan tempat kosong dengan pengajaran ayat 19 hingga 20 surah at-Taubah. **TP 5**

**SP** 1.37.7

**INFO**

Fiqh al-Aulawiyyat dalam beribadat

(a) Kita hendaklah sentiasa berazam untuk berjihad dengan tenaga dan harta supaya mendapat ganjaran yang besar di sisi Allah SWT.

(b) Kita hendaklah sentiasa meningkatkan keimanan kepada Allah SWT kerana keimanan ialah kunci penerimaan segala amalan.

## *Aktiviti PAK-21* — *Gallery Walk*

**KBAT** Menganalisis

**TP 6**

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Guru memberikan tajuk "Kepentingan pelaksanaan Fiqh al-Aulawiyyat".
3. Murid berbincang dalam kumpulan.
4. Murid menampal hasil kerja di papan putih untuk dilihat oleh murid-murid yang lain.
5. Murid daripada kumpulan yang lain akan memberi komen tentang hasil kerja setiap kumpulan tersebut.
6. Guru membuat rumusan daripada hasil kerja murid.

*Tahap Penguasaan Pelajaran 5* TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## KERTAS 1

**1.** (a) Firman Allah SWT:

> أَجَعَلْتُمْ سِقَايَةَ ٱلْحَآجِّ وَعِمَارَةَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ كَمَنْ <u>ءَامَنَ</u> بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ وَجَٰهَدَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ لَا يَسْتَوُۥنَ
> عِندَ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٩﴾ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَهَاجَرُوا۟ وَجَٰهَدُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ
> أَعْظَمُ دَرَجَةً عِندَ ٱللَّهِ ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَآئِزُونَ ﴿٢٠﴾
>
> (Surah at-Taubah: 19 – 20)

Ayat di atas menerangkan kepentingan memahami keutamaan dalam tindakan. Berdasarkan ayat di atas,

(i) Nyatakan maksud kalimah yang bergaris.

Buku Teks ms. 41

Beriman.

[2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** tujuan umat Islam disuruh berpandukan Fiqh al-Aulawiyyat dalam tindakan.

Buku Teks ms. 46

- Menghasilkan mutu kerja yang berkualiti.
- Melakukan sesuatu berdasarkan urutan syarak.

[4 *markah*]

> "Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat."

(iii) Ramalkan kebaikan kepada negara jika peribahasa di atas diaplikasikan oleh semua rakyat.

Negara akan menjadi kuat serta maju kerana tidak berlaku persengketaan dalam kalangan rakyat. Hal ini kerana suasana yang aman antara kerajaan dan rakyat dapat memudahkan usaha untuk membangunkan negara. Kesannya, keharmonian dapat dicapai hasil kesepaduan dan muafakat sesama rakyat. Kesimpulannya, orang Islam hendaklah melakukan perkara kebaikan secara berjemaah agar memperoleh keberkatan daripada Allah SWT.

KBAT Menganalisis

[4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

PBD *Sumatif*

(b) Firman Allah SWT:

أَجَعَلْتُمْ سِقَايَةَ ٱلْحَآجِّ وَعِمَارَةَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ كَمَنْ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ وَجَٰهَدَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ لَا يَسْتَوُۥنَ
عِندَ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٩﴾ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَهَاجَرُوا۟ وَجَٰهَدُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ
أَعْظَمُ دَرَجَةً عِندَ ٱللَّهِ ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَآئِزُونَ ﴿٢٠﴾

(Surah at-Taubah: 19 – 20)

Ayat di atas menerangkan kepentingan memahami Fiqh al-Aulawiyyat.
Berdasarkan ayat di atas,

(i) Apakah maksud Fiqh al-Aulawiyyat?

Buku Teks ms. 43

Fiqh al-Aulawiyyat bermaksud mengutamakan perkara yang sepatutnya didahulukan berdasarkan prinsip syarak.

[2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** prinsip asas Fiqh al-Alawiyyat.

Buku Teks ms. 43

- Berdasarkan dalil syarak.
- Mengambil kira keperluan semasa dan setempat.

[4 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** pengajaran ayat di atas.

Buku Teks ms. 47

- Kita hendaklah berazam untuk berjihad dengan tenaga dan harta supaya mendapat ganjaran di sisi Allah SWT.
- Kita hendaklah sentiasa berlumba-lumba melakukan kebaikan kerana setiap kebaikan akan mendapat ganjaran di akhirat kelak.

[4 *markah*]

**IDEA** Susunan | Kepentingan

**1.** Pelaksanaan Fiqh al-Aulawiyyat akan menjamin kehidupan yang lebih tersusun sekali gus dapat mengurangkan tekanan perasaan yang boleh mengundang kepada pelbagai masalah lain.

**KBAT** Menilai

Kemukakan hujah anda tentang bagaimana pelaksanaan Fiqh al-Aulawiyyat boleh menyelesaikan perkara di atas.

Banyak kesan positif yang diperoleh apabila melaksanakan sesuatu tindakan berdasarkan Fiqh al-Aulawiyyat kerana tindakan yang dilakukan adalah mengikut susunan yang betul. Hal ini kerana dalam melakukan sesuatu tindakan, kita hendaklah mengutamakan perkara yang sepatutnya didahulukan berdasarkan prinsip syarak. Kesimpulannya, Islam menyediakan garis panduan dalam melaksanakan sesuatu perkara demi kebaikan umatnya dalam menguruskan kehidupan yang kompleks di dunia ini.

**2.** Kepentingan Fiqh al-Aulawiyyat dalam aspek amalan dapat mewujudkan masyarakat yang harmoni dan bersatu padu.

**KBAT** Menganalisis

Huraikan pendapat anda bagi menyokong pernyataan di atas.

Mengutamakan amalan yang banyak manfaat kepada masyarakat sudah pasti dapat mewujudkan sebuah masyarakat yang harmoni kerana perbuatan tersebut merupakan tuntutan syarak. Hal ini kerana konsep Fiqh al-Aulawiyyat telah mendorong seseorang melakukan sesuatu perkara untuk kepentingan umum berbanding kepentingan peribadi. Kesimpulannya, kita hendaklah berlumba-lumba melakukan perkara kebaikan agar diberi ganjaran pada hari akhirat kelak.

POT
Enrolment key
HZB%uTc9

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# PELAJARAN 18

# Tawaduk Menzahirkan Kesucian Jiwa

Nota Xpress

**Maksud Tawaduk** → Sikap kerendahan hati kepada Allah SWT dan sesama manusia.

**Contoh Sifat Tawaduk yang Diamalkan oleh Rasulullah SAW**

- Rasulullah SAW bersikap lemah lembut dengan kanak-kanak dan mendahulukan salam kepada mereka serta membelai rambut mereka.
- Rasulullah SAW sama-sama membantu keluarganya seperti menampal selipar, menjahit pakaian dan menguruskan rumah tangga seperti orang lain.
- Rasulullah SAW tidak pernah mencela makanan yang dihidangkan kepada baginda. Sekiranya menyukainya baginda makan, namun jika baginda tidak suka, baginda akan meninggalkannya.

**Hikmah Tawaduk**

- Membentuk insan yang bertakwa kerana mengamalkan sifat mahmudah.
- Dikasihi oleh masyarakat kerana tidak bersikap sombong.
- Membudayakan sikap merendah diri demi kepentingan Islam.
- Mendapat kedudukan yang mulia di sisi Allah SWT kerana sentiasa bersyukur.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## 6.19.1 Pengertian dan Dalil Naqli Sifat Tawaduk

PBD Formatif

*Buku Teks ms. 186*

**1.** Tuliskan maksud tawaduk di bawah. MAHIR SPM TP 1

SP 6.19.1

| | |
|---|---|
| **Maksud tawaduk** | Tawaduk ialah sikap kerendahan hati kepada Allah SWT dan sesama manusia |

NOTA

**2.** Nyatakan terjemahan bagi dalil naqli sifat tawaduk di bawah. TP 2

SP 6.19.1

Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

وَمَا تَوَاضَعَ اَحَدٌ لِلَّهِ اِلَّا رَفَعَهُ اللَّهُ.

(Riwayat Muslim)

**Maksudnya:** Dan tidaklah seseorang merendahkan diri kepada Allah SWT melainkan Allah SWT akan mengangkat darjatnya.

## 6.19.2 Contoh Sifat Tawaduk yang Diamalkan Rasulullah SAW

PBD Formatif

*Buku Teks ms. 187 – 188*

**3.** Jelaskan sifat tawaduk Rasulullah SAW di bawah. MAHIR SPM TP 3

SP 6.19.2

**Sifat tawaduk amalan Rasulullah SAW**

(a) Rasulullah SAW sama-sama membantu keluarganya seperti menampal selipar, menjahit pakaian dan melaksanakan tanggungjawab dalam rumah tangga sama macam orang lain

(b) Baginda SAW tidak pernah mencela makanan. Jika baginda menyukainya, baginda makan, jika tidak baginda akan meninggalkannya

(c) Rasulullah SAW menunjukkan sifat tawaduk ketika bergaul terutama dengan kanak-kanak. Walaupun mempunyai kedudukan yang mulia, baginda tidak sombong dengan kedudukannya, sebaliknya menghormati dan menyayangi kanak-kanak

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## 6.19.3 Hikmah Tawaduk

PBD Formatif

*Buku Teks ms. 189*

**4.** Jelaskan hikmah memiliki sifat tawaduk di bawah.

MAHIR SPM TP 5

SP 6.19.3
KBAT Menganalisis

**Hikmah sifat tawaduk**

- Membudayakan sikap merendah diri demi kepentingan Islam
- (a) Membentuk individu yang bertakwa kerana sentiasa mengamalkan sifat mahmudah
- (b) Dikasihi oleh orang ramai kerana tidak bersikap sombong
- (c) Membentuk keluarga yang harmoni kerana saling menghormati antara satu sama lain
- (d) Mendapat kedudukan yang mulia di sisi Allah SWT kerana sentiasa bersyukur

CETUS IDEA

VIDEO

Tawaduklah pada sesiapa pun

## Aktiviti PAK-21

Pembentangan

KBAT Menilai

TP 6

1. Murid membuat aktiviti dalam kumpulan.
2. Guru memberikan tajuk "Hikmah mengamalkan sifat tawaduk dalam kehidupan."
3. Murid berbincang dalam kumpulan tentang tajuk yang diberikan.
4. Hasil dapatan dibentangkan di hadapan kelas oleh ketua kumpulan.
5. Guru membuat rumusan hasil kerja murid.

*Tahap Penguasaan Pelajaran 18* TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## KERTAS 1

1. (a) (i) Apakah maksud tawaduk?

Buku Teks ms. 186

Tawaduk ialah sikap kerendahan hati kepada Allah SWT dan sesama manusia.

[2 *markah*]

(ii) Nyatakan **dua** contoh sifat tawaduk yang diamalkan Rasulullah SAW.

Buku Teks ms. 187-188

- Baginda menunjukkan sifat tawaduk ketika bergaul.
- Baginda menunjukkan sifat tawaduk ketika makan dan minum.

[2 *markah*]

(iii) Terangkan hikmah memiliki sifat tawaduk.

Buku Teks ms. 189

Membentuk individu yang bertakwa kerana sentiasa mengamalkan sifat tawaduk.

[2 *markah*]

(iv) Ahli keluarga yang mengamalkan sifat tawaduk dapat membentuk keluarga yang bahagia dan harmoni.
Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas.

Keluarga yang sejahtera dan harmoni dapat dibentuk melalui sifat tawaduk kerana sikap saling menghormati antara satu sama lain. Hal ini menyebabkan persengketaan dalam kalangan ahli keluarga tidak akan berlaku kerana masing-masing mempunyai sikap rendah hati dan bertolak ansur dalam sesuatu perkara. Kesimpulannya, mencontohi Rasulullah SAW mengamalkan sifat tawaduk adalah cara terbaik demi memartabatkan ajaran Islam dalam kalangan seluruh manusia.

KBAT Menganalisis

[4 *markah*]

**IDEA** Merendah diri | Harmoni

**1.** Mengamalkan sifat tawaduk menyebabkan seseorang itu akan dikasihi oleh keluarga dan masyarakat.
**KBAT** Mengaplikasi
Kemukakan cadangan anda untuk mendidik individu agar mengamalkan sifat tawaduk dalam kehidupan seharian.

Cadangan saya adalah dengan menerapkan sikap merendah diri kepada kanak-kanak pada peringkat tadika lagi supaya apabila dewasa nanti sikap tersebut akan menjadi budaya dalam kehidupan seharian. Hal ini menyebabkan sifat tawaduk Rasulullah SAW harus dicontohi bagi membudayakan sikap merendah diri supaya kita akan dikasihi orang ramai dan seterusnya membentuk insan yang bertakwa. Kesimpulannya, mengamalkan sifat tawaduk akan dikasihi oleh masyarakat kerana tidak bersikap sombong kerana sombong itu adalah sifat syaitan.

**2.** Akhlak terpuji Rasulullah SAW, antaranya ialah tawaduk. Banyak hadis yang menerangkan bahawa baginda mengamalkan sifat tawaduk walaupun terhadap kanak-kanak.
**KBAT** Menilai
Kemukakan kesan mengamalkan sifat tawaduk kepada seseorang.

Seseorang itu akan dikasihi oleh masyarakat kerana tidak bersikap sombong dan sentiasa merendah diri. Hal ini menyebabkan orang Islam harus mencontohi sifat tawaduk Rasulullah SAW dalam pergaulan dan kehidupan rumah tangga yang berupaya melahirkan suasana yang harmoni melalui sifat merendah diri yang diajar dalam Islam. Kesimpulannya, kita hendaklah membudayakan sifat tawaduk dalam kehidupan seharian demi memperlihatkan keindahan ajaran Islam di mata umat-umat yang lain.

POT
Enrolment key
HZB%uTc9

# PELAJARAN 21

# Sifat Mazmumah Meracuni Hati

Nota Xpress

**Maksud Sifat Mazmumah** → Sifat dan tingkah laku keji yang berlawanan dengan syarak.

| Sifat Mazmumah | Maksud | Contoh |
|---|---|---|
| **Riyak** | Melakukan amalan untuk dilihat dan dipuji oleh orang lain. | Bersedekah kerana mengharapkan pujian manusia. |
| **Ujub** | Berasa bangga dengan amalan dan kelebihan yang ada pada diri sendiri. | Berasa bangga dengan kelebihan ilmu yang dimiliki. |
| **Hasad** | Perasaan dengki melihat kelebihan yang ada pada seseorang dan berharap supaya kelebihan tersebut hilang daripadanya. | Berasa cemburu dengan rakan yang memiliki rupa yang cantik. |

**Cara Meninggalkan Sifat Mazmumah**

- Sentiasa mengamalkan sifat mahmudah dan menjauhi sifat mazmumah.
- Sentiasa muhasabah diri agar terhindar daripada sifat mazmumah.
- Sentiasa mengawal keinginan nafsu yang suka akan kemegahan dunia seperti harta.
- Mencontohi akhlak mulia para rasul dan sahabat dalam kehidupan.
- Sentiasa berzikir kepada Allah SWT untuk menyucikan jiwa.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# 6.22.1 Maksud dan Dalil dan Contoh Sifat Mazmumah

PBD Formatif

Buku Teks ms. 205 – 208

ePP+ NOTA

**1.** Nyatakan maksud sifat mazmumah di bawah berserta contohnya. MAHIR SPM TP 1

SP 6.22.1

| | Sifat mazmumah | Maksud | Contoh |
|---|---|---|---|
| (a) | **Riyak** | (i) Melakukan amalan untuk dilihat dan dipuji oleh orang lain | (ii) Bersedekah kerana mengharapkan pujian manusia |
| (b) | **Ujub** | (i) Berasa bangga dengan amalan dan kelebihan yang ada pada diri sendiri | (ii) Berasa bangga dengan kelebihan ilmu yang dimiliki |
| (c) | **Hasad** | (i) Perasaan dengki melihat kelebihan yang ada pada orang lain dan berharap supaya kelebihan tersebut hilang daripadanya | (ii) Berasa dengki dengan rakan yang memiliki kekayaan harta atau pangkat dan berharap dia akan jatuh miskin |

**2.** Nyatakan terjemahan bagi dalil larangan sifat riyak di bawah. TP 2

SP 6.22.1

فَوَيْلٌ لِّلْمُصَلِّينَ ۝٤ ٱلَّذِينَ هُمْ عَن صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ ۝٥ ٱلَّذِينَ هُمْ يُرَآءُونَ ۝٦

(Surah al-Maa'uun: 4 – 6)

**Maksudnya:** Maka kecelakaan yang besar bagi orang yang solat, (iaitu) mereka yang berkeadaan lalai daripada menyempurnakan solatnya. Juga bagi orang-orang yang berkeadaan riyak (dalam ibadat dan bawaannya).

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**3.** Nyatakan terjemahan bagi dalil larangan sifat ujub di bawah. **TP 2**

**SP** 6.22.1

... إِذْ أَعْجَبَتْكُمْ كَثْرَتُكُمْ فَلَمْ تُغْنِ عَنكُمْ شَيْئًا ...

(Surah at-Taubah: 25)

**Maksudnya:** ... Iaitu semasa kamu berasa megah dengan sebab bilangan kamu yang ramai. Maka bilangan ramai itu tidak mendatangkan faedah kepada kamu sedikit pun...

**4.** Nyatakan terjemahan bagi dalil larangan sifat hasad di bawah. **TP 2**

**SP** 6.22.1

...وَمِن شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ ﴿٥﴾

(Surah al-Falaq: 5)

**Maksudnya:** ... Dan daripada kejahatan orang yang dengki apabila ia melakukan dengkinya.

**VIDEO**

Penyakit hasad dengki

## 6.22.2 Cara Meninggalkan Sifat Mazmumah

PBD Formatif

*Buku Teks ms. 209*

**5.** Lengkapkan cara meninggalkan sifat mazmumah dalam rajah di bawah. **TP 3**

**SP** 6.22.2

**KBAT** Menganalisis

**Cara meninggalkan sifat mazmumah**

- (a) Sentiasa muhasabah diri agar terhindar daripada sifat mazmumah
- Sentiasa mengamalkan sifat mahmudah dan menjauhi sifat mazmumah
- (b) Sentiasa berzikir kepada Allah SWT untuk menyucikan jiwa
- (c) Berkawan dengan rakan yang berakhlak mulia agar sentiasa istiqamah mengamalkan sifat mahmudah
- (d) Tidak terlalu mengikut hawa nafsu yang suka akan kemegahan dunia seperti harta, pangkat dan jawatan

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## 6.22.3 Hikmah Meninggalkan Sifat Mazmumah

PBD Formatif

Buku Teks ms. 210

eP+ PENDIDIKAN SIVIK 8

**6.** Terangkan hikmah meninggalkan sifat mazmumah di dalam peta buih di bawah. **TP 5**

SP 6.22.3

*i-Think* Peta Buih

**Hikmah meninggalkan sifat mazmumah**

- Membentuk akhlak mulia kerana menghindarkan diri daripada larangan-Nya
- Mendidik jiwa supaya sentiasa tunduk kepada kekuasaan-Nya
- Memperkukuh jati diri Muslim dengan mengamalkan sifat mahmudah
- Mendapat ketenangan hidup kerana menjaga hubungan sesama manusia
- Memartabatkan imej Islam sebagai contoh terbaik dalam membangunkan modal insan

## *Aktiviti PAK-21*

**Kerusi Panas** — KBAT Menilai

**TP 6**

1. Murid membuat aktiviti dalam kumpulan.
2. Guru memberi tajuk "Hikmah meninggalkan sifat mazmumah."
3. Murid berbincang dalam kumpulan mengenai tajuk yang diberikan.
4. Salah seorang murid dipilih untuk tampil di hadapan kelas untuk menjawab soalan-soalan daripada rakan-rakan berkaitan dengan tajuk di atas.
5. Guru menilai hasil penerangan murid.

*Tahap Penguasaan Pelajaran 21* TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## KERTAS 1

1. (a) (i) Nyatakan maksud mazmumah.

Buku Teks ms. 205

Sifat dan tingkah laku keji yang berlawanan dengan syarak.

[2 *markah*]

(ii) Senaraikan **dua** contoh sifat mazmumah.

Buku Teks ms. 205

- Riyak.
- Ujub.

[2 *markah*]

(iii) Terangkan **satu** cara meninggalkan sifat mazmumah.

Buku Teks ms. 209

Sentiasa muhasabah diri agar terhindar daripada sifat mazmumah.

[2 *markah*]

| |
|---|
| Sifat-sifat mazmumah bercanggah dengan ajaran agama Islam. |

(iv) Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah anda menjauhkan diri daripada memiliki sifat mazmumah di dalam diri? Huraikan.

Saya akan menjauhkan diri daripada memiliki sifat mazmumah di dalam diri dengan sentiasa muhasabah diri. Hal ini kerana dengan sentiasa muhasabah diri akan membuatkan saya sentiasa memperbaiki diri supaya menjadi manusia yang lebih baik dari masa ke masa sekali gus dapat memupuk diri agar hanya mengamalkan sifat mahmudah dalam diri. Kesimpulannya, kita hendaklah menjaga diri agar tidak wujud sifat mazmumah dalam diri agar tidak jauh dari ajaran Islam.

KBAT Mengaplikasi

[4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

IDEA Mahmudah | Berzikir

1. Imam al-Ghazali menyenaraikan sepuluh sifat mazmumah yang perlu dihindari. Salah satu daripada sifat tersebut ialah hasad.

KBAT Mengaplikasi

Kemukakan cadangan anda untuk menghilangkan sifat hasad dalam diri.

Sentiasa mengamalkan sifat mahmudah dalam kehidupan harian supaya sifat hasad dapat dihindari daripada bertapak dalam diri. Hal ini kerana mengamalkan sifat hasad akan menjadikan seseorang itu tidak bersyukur, bersifat mementingkan diri sendiri dan sentiasa berfikiran negatif terhadap orang lain. Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa berzikir kepada Allah SWT untuk menyucikan jiwa kerana jiwa yang bersih sukar dikuasai oleh sifat-sifat mazmumah yang dilarang Allah SWT.

2. Meninggalkan sifat-sifat mazmumah dapat perkukuhkan jati diri Muslim dengan mengamalkan sifat-sifat mahmudah.

KBAT Mengaplikasi

Kemukakan cadangan anda untuk menghakis sifat mazmumah dalam diri.

Sentiasa berzikir kepada Allah SWT untuk menyucikan jiwa kerana sifat mazmumah tidak akan bertapak dalam jiwa yang suci yang sentiasa menyebut nama Allah SWT. Selain itu, sifat-sifat mahmudah hendaklah dijadikan amalan dalam kehidupan seharian supaya tidak memberi ruang kepada sifat-sifat mazmumah untuk bertapak dan menguasai diri. Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa muhasabah diri agar terhindar daripada sifat-sifat mazmumah bagi memartabatkan imej Islam.

POT
Enrolment key
HZB%uTc9

EXCEL PBD
MODUL PdPc & SPM

**Tingkatan 5**
**KSSM**

# PENDIDIKAN ISLAM

Siri EXCEL PBD KSSM diterbitkan khas untuk menyokong pelaksanaan **Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)** secara menyeluruh, selaras dengan aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia. Siri ini memberi penekanan utama kepada **PBD Formatif** dan **PBD Sumatif**, yang merupakan komponen penting dalam menilai perkembangan pembelajaran murid secara berterusan dan menyeluruh.

Melalui **Praktis PBD Formatif**, murid dibimbing untuk membina kefahaman dan menguasai kemahiran dalam proses pembelajaran. Manakala **Praktis PBD Sumatif** pula membantu untuk menilai tahap pencapaian murid pada akhir sesuatu tempoh pembelajaran sebagai refleksi keberhasilan pembelajaran mereka. Setiap Praktis SPM disusun berdasarkan format dan kehendak terkini peperiksaan **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)**.

Siri ini turut menyediakan **bahan sokongan digital** yang mesra pengguna untuk guru dan murid, selaras dengan keperluan **Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)** abad ke-21.

Gabungan strategi pentaksiran yang berfokus, latihan berstruktur dan sokongan digital ini diyakini dapat meningkatkan kualiti pembelajaran murid dan seterusnya membantu mereka mencapai prestasi cemerlang.

| Subjek/ Tingkatan | 4 | 5 |
|---|---|---|
| Bahasa Melayu | ✓ | ✓ |
| English | ✓ | ✓ |
| Matematik / *Mathematics* | ✓ | ✓ |
| Matematik Tambahan / *Additional Mathematics* | ✓ | ✓ |
| Sains / *Science* | ✓ | ✓ |
| Fizik / *Physics* | ✓ | ✓ |
| Biologi / *Biology* | ✓ | ✓ |
| Kimia / *Chemistry* | ✓ | ✓ |
| Sejarah | ✓ | ✓ |
| Pendidikan Islam | ✓ | ✓ |
| Pendidikan Moral | ✓ | ✓ |
| Ekonomi | ✓ | ✓ |
| Perniagaan | ✓ | ✓ |
| Prinsip Perakaunan | ✓ | ✓ |

## PBD MANTAP & PIAWAI SPM

**» NOTA**

**» PBD FORMATIF**
- Praktis Topikal
- Aktiviti PAK-21
- KBAT & i-THINK
- KBAT Ekstra

**» JAWAPAN** Kod QR

**» PBD SUMATIF**
- Praktis SPM
- Kertas Model SPM Kod QR

** Disertakan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU)*

## INPUT DIGITAL

Kod QR
- POT
- Info
- Video
- Cetus Idea



**CARA MENGAKSES POT** PELANGI ONLINE TEST
(Portal Ujian Soalan Objektif)

1 Imbas kod QR untuk *Create new account*.
2 Semak e-mel untuk mengaktifkan akaun.
3 *Log in* ke akaun anda.
4 Masukkan *Enrolment Key* yang terdapat pada halaman Praktis SPM buku.
5 Mulakan Ujian!

## BONUS GURU

**EG-i EDISI GURU INTERAKTIF**
dengan butang JAWAPAN

- ✓ Edisi Guru PDF
- ✓ Praktis Ekstra
- ✓ Kertas Model SPM Ekstra
- ✓ e-RPH
- ✓ Bank Soalan SPM
- ✓ Nota Grafik
- ✓ Lain-lain

ePelangi+
https://plus.pelangibooks.com/

**StudyBOT** *My Study Buddy*

https://qr.pelangibooks.com/?u=STUDYBOT

Nota Animasi — Ulang Kaji yang Pantas dan Menyeronokkan
Direka Khas untuk Telefon Pintar
Tingkatan 4 & 5

Imbas dan Langgan di ePelangi+

Beli dalam talian:

**www.pelangibooks.com**
**Fuel Your Learning Journey**

Berhubung dengan kami:

Pelangi Publishing   Pelangi Books Gallery

PENERBITAN PELANGI SDN. BHD. (198201009396)

W.M:RM11.90 / E.M: RM12.50
AAMWPI2650011AS
ISBN: 978-629-498-660-2
9 786294 986602